




LAPORAN TAHUNAN PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG **2020**







ISI KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi Eksekutif	2
Pengenalan	3
Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968	4
Struktur Organisasi <i>Carta Pengurusan</i>	5
Ahli Lembaga Perbadanan	6
Laporan Aktiviti Tahunan <i>Mesyuarat Perbincangan Hala Tuju</i>	7
Penyata Kewangan	10
Nota	40



Perfusian PENGERUSI EKSEKUTIF

Salam Sejahtera

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana dengan izinnya Perbadanan Padang Golf Subang dapat menyediakan Laporan Tahunan 2020. Laporan yang disediakan ini selaras dengan Akta Badan berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) di mana setiap Badan Berkanun Persekutuan perlu mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dan juga membentangkan Laporan Tahunan di Parlimen.

Justeru itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga PPGS khususnya kepada Ahli Lembaga, kakitangan PPGS, semua warga Kementerian Belia dan Sukan dan tidak lupa juga kepada mantan sekretariat PPGS yang telah bertungkus lumus menyumbang kepada kesinambungan dan kelancaran urusan pentadbiran PPGS sebelum ini.

Sesungguhnya tahun 2020 memberi impak yang sangat besar kepada semua di sebabkan pandemik yang melanda seluruh dunia. Walaubagaimanapun, itu tidak menghalang PPGS untuk melalui sebuah fasa yang amat penting iaitu kearah pembentukan hala tuju baharu dan bergerak dengan lebih efisien dan aktif sebagai salah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang lebih berdikari.

PPGS akan melaksanakan beberapa pembaharuan dari aspek pentadbiran dan pengoperasian bagi tahun-tahun mendatang dan hal ini ternyata akan memberikan satu pengalaman yang baharu kepada warga kerja PPGS.



Saya pasti dengan pengalaman yang cukup luas dan nasihat daripada semua Ahli Lembaga, saya yang diberi tanggungjawab memegang jawatan ini akan memastikan kakitangan di PPGS mempamerkan usaha dan komitmen yang utuh dalam melaksanakan tugas masing-masing terutamanya dalam membangunkan sukan golf negara yang cemerlang. Semoga hala tuju baharu PPGS dapat memberi satu perubahan besar kepada industri sukan golf negara secara menyeluruh. Saya turut percaya dengan kerjasama semua pihak PPGS akan berjaya melaksanakan amanat ini demi pembangunan sukan Negara yang lebih maju.

Majulah Sukan Untuk Negara!

Kumaresu Krishnasamy

Pengerusi Eksekutif
Perbadanan Padang Golf Subang

PENGENALAN

Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan (BBP) yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968. Aktiviti utama Perbadanan adalah untuk membina, membangun, mengurus dan mentadbir Padang Golf Subang (PGS) seluas 330 ekar yang terletak di Ladang Seaport, Subang, Selangor.

Pada peringkat awalnya, Perbadanan dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa yang diterajui oleh YTM Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Yang Di-Pertua dan Almarhum Tun Dr. Ismail bin Haji Abdul Rahman sebagai Naib Yang Di-Pertua serta dianggotai oleh enam orang ahli. Ahli-ahli perbadanan ketika itu menubuhkan sebuah kelab iaitu Subang National Golf Club (SNGC) yang beroperasi mengikut Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968.

Pada 13 April 1973, SNGC ditukar nama kepada Kelab Golf Negara Subang (KGNS). Sejak KGNS mengambil alih pengurusan PGS dari tahun 1971, Perbadanan pada ketika ini dijalankan oleh Pegawai Eksekutif Pentadbiran yang dilantik oleh PPGS yang diselia oleh Sekretariat PPGS daripada kalangan pegawai-pegawai kerajaan di Kementerian Belia dan Sukan dan berperanan menjalankan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran terutama dalam memastikan Kelab Golf Negara Subang menjalankan tugas-tugas dan beroperasi membangunkan sukan golf di tanah PGS seperti mana yang termaktub di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968.




Akta PERBADANAN

Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968 yang dikuatkuasakan pada 14 Oktober 1968 telah menubuhkan Perbadanan Padang Golf Subang untuk menjalankan tanggungjawab terhadap pengurusan dan pengawalan ke atas Padang Golf Subang (PGS) sebagaimana yang terkandung dalam Seksyen 5(2).

Di bawah peruntukan Seksyen 5(1) Akta yang sama PPGS mempunyai kuasa untuk:

- mengurus, menyelenggara mana-mana padang golf untuk kegunaan aktiviti golf atau sukan lain termasuk rekreasi;
- memperolehi harta alih/harta tak alih secara pembelian, hadiah atau apa-apa cara sekalipun;
- membuat apa-apa kontrak atau perjanjian dengan mana-mana pihak berkaitan dengan kemudahan padang golf dengan syarat tertentu yang dibenarkan oleh Menteri;
- mendirikan apa-apa bangunan di atas tanah;
- menjual atau memajak atau memajak kecil atau melupus tanah yang tidak diperlukan untuk aktiviti sukan dengan syarat tertentu yang dibenarkan oleh Menteri;
- melantik pegawai, kakitangan dan agen dengan suatu bayaran upah; menggunakan atau membenarkan suatu tanah diguna bagi tujuan lain, tertakluk kepada kebenaran Menteri; dan
- membangunkan tanah yang tidak digunakan untuk aktiviti sukan bagi tujuan industri atau perumahan atau taman atau kemudahan awam, tertakluk dengan kebenaran Menteri.



UNDANG-UNDANG
MALAYSIA

Akta 810

AKTA PERBADANAN PADANG
GOLF SUBANG 1968

(Disemak — 2018)

GSEMAK OGUP
PENYELAMATAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA
DE MAWAH KUSA AKTA PENYELAMATAN UNDANG-UNDANG 1968
2018

Struktur ORGANISASI

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

Perbadanan Padang Golf Subang adalah sebuah Perbadanan di mana pentadbiran dan pengurusan Perbadanan diterajui oleh Pengerusi Eksekutif daripada kalangan Ahli Lembaga turut dibantu oleh dua orang Pegawai Eksekutif Pentadbiran PPGS yang dilantik bagi melancarkan urusan pentadbiran dan pengurusan Perbadanan. Bagi mengukuhkan pentadbiran PPGS, warga kerja PPGS melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dengan nasihat daripada barisan Ahli Lembaga yang professional.

CARTA ORGANISASI PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG (PPGS) 2020

AHLI LEMBAGA PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

Encik Kumaresur Krishnasamy

Pengerusi Eksekutif (Merangkap Ahli Lembaga PPGS)

Syaiful Syazrin Bin Zhul Bahrin

Pegawai Eksekutif Pentadbiran 1

Sulaiman Bin Abu Bakar

Pegawai Eksekutif Pentadbiran 2

(Sehingga Jun 2020)

Fara Hazwani Binti Dahari

Pegawai Eksekutif Pentadbiran 3

Ahli Lembaga PERBADANAN 2020

Pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Perbadanan Padang Golf Subang adalah sebagaimana yang terkandung dalam Bahagian II Seksyen 6(1), Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968, [Akta 810], disemak 2018, yang mana Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah diberikan kuasa untuk melantik Keanggotaan dalam Lembaga Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS). Keanggotaan Ahli Lembaga PPGS bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:



Encik Kumaresur Krishnasamy
Pengerusi Eksekutif



Laksamana Tan Sri Dato Setia
Mohd Anwar Bin Hj. Mohd Nor



Tan Sri Mohd Zuki
Bin Ali



Encik Muhamad Shahril
Bin Othman



Dato' Haji Ahmad Zaharin
Bin Mohd Saad



Dato' Haji Zamani Ahmad
Bin Mansor



Tuan Zulnaidy
Bin Zulkifli



Puan Ramona Binti
Mohd Razali



Encik Abdul Aziz
Bin Engan



Dato' Mohd Zahir
Bin Zahur Hussain



Tuan Mohd Redzuan
Bin Hasan

Aktiviti TAHUNAN

Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Sepanjang tahun 2020, PPGS telah melaksanakan Satu (1) Mesyuarat Ahli Lembaga PPGS secara fizikal dan satu (1) Mesyuarat Secara Resolusi Mengenai Kelulusan Laporan Tahunan Penyata Kewangan disebabkan oleh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan disebabkan penularan wabak pandemik Covid-19 yang telah melanda seluruh dunia.

Berikut daripada itu, Aktiviti yang sempat dilaksanakan adalah mesyuarat Ahli Lembaga bagi tujuan mengemaskini progres secara keseluruhan pengurusan dan pentadbiran PPGS sepanjang tahun 2020 termasuk perbincangan dan mesyuarat antara PPGS bersama Kelab Golf Negara Subang (KGNS) dan juga Pengurusan Tertinggi Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sebagaimana perincian berikut :

i. Mesyuarat Ahli Lembaga PPGS

PERKARA	TARIKH	TEMPAT
Mesyuarat Ahli Lembaga PPGS <i>Bilangan 1/2020</i>	28.08.2020	Bilik Gerakan Aras 15, Menara KBS
Mesyuarat Secara Resolusi Mengenai Kelulusan Laporan Tahunan Kewangan PPGS bagi tahun Berakhir 31.12.2020	25.09.2020	Secara Edaran

Antara agenda tetap Mesyuarat Ahli Lembaga PPGS adalah untuk meneliti dan memutuskan perkara-perkara utama berkaitan pentadbiran PPGS termasuk urusan kewangan Perbadanan, hala tuju dan 'Business Model' PPGS, isu-isu berbangkit berkaitan tanah Padang Golf Subang dalam memastikan kesinambungan dan kelancaran pentadbiran PPGS.

ii. Mesyuarat Pengenalan bersama Pengurusan Tertinggi Baharu Kelab Golf Negara Subang (KGNS):

PERKARA	TARIKH	TEMPAT
Mesyuarat PPGS bersama KGNS	03.12.2020	Conference Room, Kelab Golf Negara Subang (KGNS)



Bagi mengawal selia dan menjaga kepentingan kerajaan terhadap tanah milik persekutuan, PPGS diminta untuk lebih efisien dalam perancangan ke arah hala tuju dan masa depan yang boleh menyumbang kepada pertambahan hasil KBS.

Berdasarkan perbincangan yang diadakan, keputusan yang diambil untuk diketengahkan oleh PPGS adalah supaya:

Hala tuju PPGS diperkemaskan dengan menyediakan satu 'business model PPGS' sebagai way forward untuk PPGS kekal efisien di bawah KBS di samping untuk menyelesaikan isu berkaitan tanah PGS

Menghasilkan satu 'business model' yang dapat memberi pulangan atau menyumbang kepada pertambahan hasil KBS supaya dapat disumbangkan kepada Tabung Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara bagi membiayai program-program pembangunan sukan negara secara menyeluruh;

Penubuhan struktur organisasi PPGS sebagai sebuah badan berkanun persekutuan yang lengkap dengan perjawatan tertentu;

PPGS mengadakan perbincangan dan rundingan bersama KGNS mengenai hala tuju baharu yang bakal diputuskan oleh YB Menteri Belia dan Sukan; dan

Memorandum Jemaah Menteri diangkat setelah hala tuju PPGS dimuktamadkan.

A close-up view of a golf scorecard. The top row lists hole numbers 1 through 18. Below each hole number are four sets of yardage values: Champion (light blue), Handicap (medium blue), Regular (white), and Par (light green). The first set of values for hole 1 are 369, 360, 572, and 504 respectively. A color-coded key at the bottom right provides yardage equivalents for the Champion values: Ladies (orange), Par (pink), and Handicap (light pink). The key shows the following conversions: 369 yards for Ladies, 411 for Par, and 453 for Handicap.

HOLE	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18
CHAMPION	369	360	572	504	431	377	334	311	303	301	300	298	296	294	293	291	289	287
HANDICAP	11	9	7	6	5	4	3	2	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
REGULAR	365	323	555	498	439	379	332	309	301	299	297	295	293	291	290	288	286	284
PAR	11	9	7	6	5	4	3	2	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1

LADIES
PAR
HANDICAP

LADIES	341	223	411	453
PAR	4	4	5	5
HANDICAP	3	5	7	7



Penyata
KEWANGAN 2020





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 4 hingga 26.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Padang Golf Subang pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Padang Golf Subang serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Penegasan Perkara

Tanpa menjelaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara seperti yang dinyatakan di Nota 1 Maklumat Am kepada Penyata Kewangan yang menerangkan aktiviti utama Perbadanan untuk mengawal tadbir Padang Golf Subang dan penubuhan Kelab Golf Negara Subang. Pada 3 September 2014, Kerajaan telah bersetuju Kelab Golf Negara Subang diberi pajakan kecil ke atas tanah milik Persekutuan H.S.(D) 148046 PT 221 Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor seluas 330 ekar daripada Perbadanan Padang Golf Subang selama 30 tahun bagi kegunaan sebagai padang golf. Kerajaan juga menetapkan perjanjian pajakan kecil dan perjanjian pengurusan perlu ditandatangani antara kedua-dua pihak dengan mengambil kira kepentingan Kerajaan dan penjawat awam serta fungsi Perbadanan Padang Golf Subang sebagaimana tertakluk dalam Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509). Bagaimanapun, perjanjian pajakan kecil dan perjanjian pengurusan masih belum dimuktamadkan antara Perbadanan Padang Golf Subang dan Kelab Golf Subang Negara walaupun isu ini telah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara sejak pengauditan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Perbadanan, Perbadanan Padang Golf Subang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509). Ahli Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang, Ahli Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Padang Golf Subang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:


- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Padang Golf Subang;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Perbadanan;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Padang Golf Subang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan

diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan

- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang telah melaporkan asas-asas urusniaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Perbadanan, Perbadanan Padang Golf Subang berdasarkan keperluan Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(NOR AZIAN BINTI NORDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
30 NOVEMBER 2021



PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Penyata Pengerusi Dan Seorang Ahli Perbadanan

Kami, KUMARESUR KRISHNASAMY dan LAKSAMANA TAN SRI DATO' SETIA MOHD ANWAR HJ MOHD NOR (B) yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Perbadanan Padang Golf Subang, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Ahli Perbadanan, penyata kewangan yang mengandungi penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan didalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Perbadanan Padang Golf Subang pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Perbadanan,




KUMARESUR KRISHNASAMY

PENGERUSI

Tarikh : 29 OCT 2021

Aras 9, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, Malaysia

Ditandatangani bagi pihak Perbadanan,



LAKSAMANA TAN SRI DATO' SETIA
MOHD ANWAR HJ MOHD NOR (B)

AHLI PERBADANAN

Tarikh : 29 OCT 2021

Aras 9, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, Malaysia

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Akuan Berkanun/Pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan

Saya, SYAIFUL SYAZRIN BIN ZHUL BAHRIN, merupakan pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Perbadanan Padang Golf Subang yang dinyatakan di atas, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa pernyataan kewangan yang disertakan pada pendapat saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya benar dan saksama serta menurut Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh)

SYAIFUL SYAZRIN BIN ZHUL BAHRIN)

yang tersebut di atas di)

Putrajaya Wilayah Persekutuan)

09 NOV 2021

SYAIFUL SYAZRIN BIN ZHUL BAHRIN



Dihadapan saya,



PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020

	Nota	2020 RM	Dinyatakan Semula 2019 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	3	205,574,839	<u>207,899,908</u>
Jumlah aset bukan semasa		<u>205,574,839</u>	<u>207,899,908</u>
ASET SEMASA			
Tunai dan kesetaraan tunai	4	1,039,814	1,018,887
Akaun belum terima	5	11,361	1,856
Jumlah aset semasa		<u>1,051,175</u>	<u>1,020,743</u>
JUMLAH ASET		<u>206,626,014</u>	<u>208,920,651</u>
EKUITI			
Defisit terkumpul		(1,724,281)	(648,256)
Rizab penilaian semula		100,351,357	100,351,357
Jumlah ekuiti		<u>98,627,076</u>	<u>99,703,101</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Geran tertunda	6	107,805,040	109,023,727
Jumlah liabiliti bukan semasa		<u>107,805,040</u>	<u>109,023,727</u>
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai pembiayaan dan akruan	7	21,278	21,219
Peruntukan cukai	12	50	-
Sewa pajakan	8	172,570	172,604
Jumlah liabiliti semasa		<u>193,898</u>	<u>193,823</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>107,998,938</u>	<u>109,217,550</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>206,626,014</u>	<u>208,920,651</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

**Penyata Pendapatan Komprehensif
bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020**

	Nota	2020 RM	Dinyatakan Semula 2019 RM
Pendapatan	9	1,458,687	1,458,687
Pendapatan lain	10	24,623	36,179
Belanja pentadbiran dan operasi	11	(2,559,087)	(2,454,396)
Defisit sebelum cukai		<hr/> <hr/> (1,075,777)	<hr/> <hr/> (959,530)
Percukaian	12	(248)	-
Defisit bagi tahun semasa		<hr/> <hr/> (1,076,025)	<hr/> <hr/> (959,530)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

**Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020**

	Nota	Defisit Terkumpul RM	Rizab Penilaian Semula RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2019				
- Dinyatakan tahun lalu		680,068	-	680,068
- Pelarasan	15	(368,794)	10,001,357	9,632,563
Dinyatakan semula		311,274	10,001,357	10,312,631
Defisit bagi tahun semasa				
- Dinyatakan tahun lalu		153,371	-	153,371
Pelarasan	15	(1,112,901)	-	(1,112,901)
- Dinyatakan semula		(959,530)	-	(959,530)
Lebihan penilaian semula		-	90,350,000	90,350,000
Baki pada 31 Disember 2019				
Defisit bagi tahun semasa		(1,076,025)	-	(1,076,025)
Baki pada 31 Disember 2020				
		(1,724,281)	100,351,357	98,627,076

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Penyata Aliran Tunai
bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020

	2020 RM	Dinyatakan Semula 2019 RM
Aliran Tunai dari Aktiviti Operasi		
Defisit sebelum cukai	(1,075,777)	(959,530)
Pelarasan untuk:		
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	2,325,069	2,325,069
Pelunasan geran	(1,218,687)	(1,218,687)
Faedah diterima	(2,071)	(1,065)
Percukaian	(198)	-
Lebihan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	<u>28,336</u>	<u>145,787</u>
Perubahan dalam modal kerja:		
(Peningkatan)/Penurunan pelbagai penghutang	(9,505)	10,780
Peningkatan pelbagai pembiutang	59	6,519
Penurunan sewa pajakan	(34)	(31)
Tunai dijana daripada aktiviti operasi	<u>18,856</u>	<u>163,055</u>
Aktiviti Tunai dari Aktiviti Pelaburan		
Faedah diterima	2,071	1,065
Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	20,927	164,120
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan	<u>1,018,887</u>	<u>854,767</u>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan	<u>1,039,814</u>	<u>1,018,887</u>
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:		
Baki simpanan tetap, bank dan wang tunai	<u>1,039,814</u>	<u>1,018,887</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

1. MAKLUMAT AM

Perbadanan Padang Golf Subang (Perbadanan) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan (BBP) yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968 (Akta 509).

Alamat Perbadanan adalah di Aras 9, Menara KBS, No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Aktiviti utama Perbadanan adalah untuk membina, mengurus dan mengawal tadbir Padang Golf Subang (PGS) seluas 330 ekar yang terletak di Ladang Seaport, Subang, Selangor.

Pada peringkat awal, Perbadanan dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa yang diterajui oleh YTM Almarhum Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Yang Di-Pertua dan Almarhum Tun Dr. Ismail bin Haji Abdul Rahman sebagai Naib Yang Di-Pertua serta dianggotai oleh enam (6) orang ahli. Ahli-ahli perbadanan ketika itu menubuhkan sebuah kelab iaitu Subang National Golf Club (SNGC) yang beroperasi mengikut Akta Perbadanan Padang Golf Subang yang berperanan mengurus dan mentadbir PGS.

Pada 13 April 1973, SNGC ditukar nama kepada Kelab Golf Negara Subang (KGNS).

Penyata kewangan Perbadanan dibentangkan dalam matawang fungsian, yang mana merupakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana Perbadanan beroperasi.

Matawang fungsian Perbadanan adalah Ringgit Malaysia (RM), di mana aktiviti utama dilaksanakan dalam RM.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Penyata kewangan Perbadanan telah disediakan dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan peruntukan Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968.

2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan telah disediakan pada asas kos sejarah, kecuali bagi penilaian semula aset dan liabiliti tertentu.

Dasar perakaunan penting yang diguna pakai dinyatakan seperti dibawah:

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

2.2 Hartanah, loji dan peralatan

Kos sesuatu item bagi harta, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Perbadanan dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Selepas diiktiraf sebagai aset, semua item harta, loji dan peralatan adalah diukur pada kos ditolak sebarang susutnilai terkumpul.

Susutnilai disediakan atas kaedah garis lurus untuk menghapuskira amaun yang boleh disusutnilai sepanjang jangka hayat bergunanya, seperti berikut:

Tanah pajakan

99 tahun

Susutnilai aset bermula apabila ianya sedia untuk digunakan.

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, hayat berguna atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

Amaun bawaan bagi item harta, loji dan peralatan tidak lagi diiktiraf ke atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan item harta, loji dan peralatan, ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada, dan amaun bawaan item, iktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Sama ada perolehan jualan atau sebarang keuntungan ke atas pelupusan tidak dikelaskan sebagai hasil.

2.3 Penilaian semula

Perbadanan menjalankan polisi penilaian semula terhadap tanah pajakan setiap 10 tahun. Penilaian semula terkini adalah pada tarikh 3 September 2018.

Pertambahan/(Pengurangan) atas penilaian semula harta akan didebit/(dikredit) ke Akaun Rizab Penilaian Semula. Penambahan penilaian semula harta yang timbul atas pelupusan harta dikreditkan ke Penyata Perubahan Ekuiti.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

2.3 Penilaian semula (Sambungan)

Harta tanah pajakan disusutnilaikan atas amaun penilaian semula mengikut dasar yang ternyata di Para 2.2.

2.4 Rosotnilai asset selain daripada asset kewangan

Pada setiap tarikh pelaporan, Perbadanan menilai sama ada terdapat sebarang tanda bahawa aset kemungkinan mengalami rosotnilai. Jika mana-mana petanda sedemikian wujud, amaun boleh pulih aset tersebut dianggarkan.

Apabila terdapat petanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai tetapi ia tidak dapat menganggar amaun boleh pulih bagi aset tersebut, Perbadanan akan menganggarkan amaun boleh pulih bagi unit penjanaan tunai di mana aset tersebut dimiliki.

Amaun boleh pulih aset dan unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan adalah didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskau sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Jika amaun boleh pulih aset atau unit penjanaan tunai kurang daripada amaun bawaan, kerugian rosotnilai diiktiraf untuk mengurangkan amaun bawaan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosotnilai bagi unit penjanaan tunai adalah diperuntukan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun bawaan sebarang muhibah yang diperuntukan kepada unit penjanaan tunai, dan kemudian, kepada aset bukan semasa lain unit pro-rata atas asas amaun bawaan bagi setiap aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai. Kerugian rosotnilai aset diiktiraf dengan serta merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, dimana ia dilayan sebagai pengurangan penilaian semula.

Amaun boleh pulih adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual, nilai dalam penggunaan aset atau unit penjanaan tunai, dan sifar.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

2.4 Rosotnilai asset selain daripada asset kewangan (Sambungan)

Kerugian rosotnilai yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya untuk aset atau aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai dibalikkan apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menetapkan amaun boleh pulih aset. Kerugian rosotnilai yang dibalikkan hanya setakat tahap amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang telah ditentukan, ditolak susutnilai, jika tiada kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf pada tempoh lepas. Pembalikan kerugian rosotnilai adalah diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawah pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai peningkatan penialaihan semula.

2.5 Aset kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan apabila Perbadanan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbang kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

i) Aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

i) Aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan (Sambungan)

Kaedah faedah efektif adalah keadah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukkan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaan bawaan aset kewangan.

ii) Rosotnilai aset kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Perbadanan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosotnilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit
- pelanggaran kontrak
- pemberian pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberian pinjaman tidak akan dipertimbangkan.
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain.
- data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaan bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

ii) Rosotnilai asset kewangan (Sambungan)

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai telah dilibatkan ke atas asset kewangan diukur pada kos ditolak rosotnilai, amaun kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan asset dan anggaran amaun terbaik yang mana Perbadanan akan diterima bagi asset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Amaun bawaan asset kewangan dikurangkan secara langsung , kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

2.6 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi wang tunai di tangan dan di bank serta deposit jangka pendek. Deposit jangka pendek adalah pelaburan simpanan tetap yang dibuat bagi tempoh 12 bulan atau kurang bergantung kepada keperluan tunai segera Perbadanan.

2.7 Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Perbadanan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi Perbadanan kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosotnilai.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

i) Liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan dan kerugian adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf pada keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan liabiliti kewangan.

ii) Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat. Sebarang perbezaan di antara amaun bawaan liabiliti kewangan dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

2.8 Peruntukan

Sesuatu peruntukan diiktiraf apabila Perbadanan mempunyai obligasi pada tarikh pelaporan akibat daripada peristiwa yang lalu, ia terdapat kemungkinan bahawa pemindahan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang munasabah boleh dibuat daripada amaun obligasi tersebut.

Risiko dan ketidaktentuan diambilkira dalam pengiraan dalam mencapai anggaran peruntukan yang terbaik. Apabila kesan nilai mata wang adalah ketara, amaun yang diiktiraf dalam peruntukan adalah nilai sesama perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

2.9 Hasil

Hasil diukur pada nilai atas pertimbangan yang diterima atau akan diterima, selepas ditolak sebarang diskauan perdagangan, diskauan penyelesaian segera, jumlah rebat dan cukai tidak langsung yang terpakai kepada hasil. Hasil diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian berdasarkan berikut:

i) Hasil sewa

Hasil sewa diiktiraf secara akruan melainkan kemungkinan untuk diperolehi dimansuhkan.

ii) Hasil faedah

Hasil faedah diiktiraf menggunakan kaedah efektif.

2.10 Manfaat Pekerja

i) Manfaat pekerja jangka pendek

Manfaat pekerja jangka pendek, contohnya upah, gaji dan manfaat lain, adalah diiktiraf pada amanun tidak didiskaun sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada Perbadanan.

Jangkaan kos ke atas perkongsian untung dan bayaran bonus adalah diiktiraf apabila Perbadanan mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa untuk membuat pembayaran akibat daripada peristiwa lepas dan anggaran obligasi dapat dianggarkan dengan pasti. Obligasi semasa wujud apabila Perbadanan tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk membuat pembayaran.

ii) Pelan caruman wajib

Caruman yang perlu dibayar kepada pelan caruman wajib diiktiraf sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada Perbadanan.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

2.11 Sewa pajakan

Pajakan harta tanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang. Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) telah memajakkan tanah milik persekutuan kepada Perbadanan bagi tempoh 99 tahun dengan bayaran nominal sebanyak RM 10,870 setahun.

2.12 Geran kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu seperti geran mengurus diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau akan diterima dan diiktiraf dalam pendapatan apabila geran akan diterima.

Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu diiktiraf pada nilai saksama dalam pendapatan hanya apabila syarat-syarat prestasi telah dipenuhi.

Geran kerajaan diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

2.13 Cukai pendapatan

Cukai pendapatan dalam untung atau rugi meliputi cukai semasa atau tertunda.

Cukai semasa ialah jumlah jangkaan cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan bercukai untuk tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tahun pelaporan.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan di antara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan amaun dibawa dalam penyata kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, kredit cukai belum digunakan dibawa ke hadapan dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, kredit cukai belum digunakan dibawa ke hadapan dan kerugian cukai tidak digunakan, sehingga ke tahap kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai wujud yang mana perbezaan sementara ditolak, kredit cukai belum digunakan dibawa ke hadapan dan kerugian cukai belum digunakan boleh digunakan.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)****2.13 Cukai pendapatan (Sambungan)**

Cukai tertunda tidak diperuntukkan bagi muhibah yang tidak boleh ditolak bagi tujuan cukai dan pengiktirafan permulaan aset dan liabiliti yang pada masa urus niaga, tidak memberi kesan ke atas keuntungan perakaunan dan tidak juga pada keuntungan boleh cukai.

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Nota	2020 RM	Dinyatakan Semula 2019 RM
KOS			
Pada 1 Januari		211,000,000	120,650,000
Lebihan penilaian semula		-	90,350,000
Pada 31 Disember		<u>211,000,000</u>	<u>211,000,000</u>
SUSUTNILAI TERKUMPUL			
Pada 1 Januari	15	3,100,092	775,023
Susutnilai semasa	15	<u>2,325,069</u>	<u>2,325,069</u>
Pada 31 Disember	15	<u>5,425,161</u>	<u>3,100,092</u>
NILAI BUKU BERSIH			
Pada 31 Disember	15	<u>205,574,839</u>	<u>207,899,908</u>

Pelarasan tahun lalu ke atas susutnilai telah dibuat serta dinyatakan semula berdasarkan nilai Hartanah Pajakan direkodkan pada nilai penilaian semula oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta yang bertarikh 3 September 2018. Tanah pegangan pajakan dilunaskan sepanjang tempoh pajakan 99 tahun bermula 18 Jun 2010 sehingga 17 Jun 2109. Rujuk kepada Nota 14 dan 15.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)**4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**

	2020 RM	2019 RM
Tunai di tangan	1,000	1,000
Tunai di bank	1,038,814	470,577
Simpanan tetap - Sijil 1(3005045000003157)	-	220,621
Simpanan tetap - Sijil 2(3005045000003164)	-	220,621
Simpanan tetap - Sijil 3(3005045000003171)	-	106,068
	<u>1,039,814</u>	<u>1,018,887</u>

5. AKAUN BELUM TERIMA

	2020 RM	2019 RM
Faedah akrual simpanan tetap – Sijil 1	-	748
Faedah akrual simpanan tetap – Sijil 2	-	748
Faedah akrual simpanan tetap – Sijil 3	-	360
Kumaresur Krishnasamy	491	-
Belanja terdahulu – Pajakan tanah	<u>10,870</u>	-
	<u>11,361</u>	<u>1,856</u>

Akaun belum terima untuk Kumaresur Krishnasamy yang berjumlah RM491 adalah lebihan bayaran gaji bulan Ogos 2020.

Belanja terdahulu pajakan tanah yang berjumlah RM10,870 adalah belanja untuk tahun 2021 yang dibayar pada 30 Disember 2020.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)**6. GERAN TERTUNDA**

	2020 RM	2019 RM
Baki pada 1 Januari	109,023,727	110,242,414
Tolak: Pelunasan pajakan	<u>(1,218,687)</u>	<u>(1,218,687)</u>
	<u>107,805,040</u>	<u>109,023,727</u>

Geran tertunda ini mewakili kos tanah pajakan yang diperolehi pada 21 Ogos 2014 dengan tempoh pajakan selama 99 tahun bermula 18 Jun 2010 sehingga 17 Jun 2109. Pelunasan pajakan dibuat setiap tahun pada kadar RM1,218,686.87 .

7. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	Nota	Dinyatakan Semula	
		2020 RM	2019 RM
Akruan – Yuran audit		10,641	14,700
Akruan – Yuran perakaunan	15	6,000	6,519
Pelbagai pemutang – Perbelanjaan hosting email		1,417	-
Pelbagai pemutang – KWSP		<u>3,220</u>	<u>-</u>
		<u>21,278</u>	<u>21,219</u>

Peruntukan untuk yuran audit dan perakaunan adalah bagi proses penyediaan akaun pengurusan PPGS dan proses pengauditan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

Bagi tahun 2019, tiada peruntukan bagi yuran perakaunan direkodkan dan pelarasan telah dibuat bagi menyatakan semula Penyata Kewangan tahun lalu. Rujuk kepada Nota 14 dan 15.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)**8. SEWA PAJAKAN**

	2020 RM	2019 RM
Baki pada 1 Januari	172,604	172,635
Tolak: Perbezaan di antara nilai kini dan bayaran tahunan sewa pajakan	(34)	(31)
	<u>172,570</u>	<u>172,604</u>

Sewa pajakan ini merupakan caj kewangan yang dikenakan pada kadar 6.7% berdasarkan pengiraan nilai kini bagi sepanjang tempoh pajakan 99 tahun bermula dari tahun kewangan 2011. Baki ini akan berkurang setiap tahun selaras dengan pembayaran tahunan sewa pajakan tanah yang dibayar kepada Pesuruhjaya Tanah dan Galian.

9. PENDAPATAN

	2020 RM	2019 RM
Pelunasan pajakan	1,218,687	1,218,687
Sewa tanah pajakan	240,000	240,000
	<u>1,458,687</u>	<u>1,458,687</u>

10. PENDAPATAN LAIN

	2020 RM	2019 RM
Faedah diterima	7,969	18,675
Faedah terakru	-	1,856
Hibah	2,071	1,065
Penerimaan daripada Kelab Golf Negara Subang	14,583	14,583
	<u>24,623</u>	<u>36,179</u>

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)**11. BELANJA PENTADBIRAN DAN OPERASI**

	Nota	2020 RM	Dinyatakan Semula 2019 RM
Bayaran percetakan buku laporan kewangan	15	7,241	5,935
Bayaran tahunan pajakan tanah		10,836	10,838
Belanja Pejabat		256	159
Caruman KWSP		13,650	13,550
Caj penghantaran		150	-
Cukai tanah		14,583	14,583
Cukai perkhidmatan	15	599	369
Emolumen Pengerusi Eksekutif:			
Gaji Pengerusi Eksekutif		48,693	-
KWSP Pengerusi Eksekutif		5,832	-
Elaun mesyuarat – Pengerusi Eksekutif		750	-
Elaun mesyuarat Ahli lembaga PPGS		3,000	12,250
Gaji pekerja		105,140	49,840
Perbelanjaan mesyuarat		400	1,000
Perbelanjaan hosting email		1,337	-
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	15	2,325,069	2,325,069
Telefon dan internet		50	-
Yuran audit		10,641	14,700
Yuran audit – Lebihan peruntukan tahun lalu		(4,058)	-
Yuran perakaunan	15	6,000	6,000
Yuran cukai		8,650	-
Yuran perkhidmatan cek		268	103
		<u>2,559,087</u>	<u>2,454,396</u>

Bagi tahun 2019, tiada peruntukan bagi yuran perakaunan direkodkan dan pelarasan telah dibuat bagi menyatakan semula Penyata Kewangan tahun lalu. Rujuk kepada Nota 14 dan 15.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)**12. PERCUKAIAN**

	2020 RM	2019 RM
Cukai pendapatan tahun semasa	50	-
Kurangan peruntukan cukai tahun sebelum	198	-
	<hr/> <hr/> <hr/> 248	<hr/> <hr/> <hr/>

Perbadanan telah mendapat pengecualian cukai pendapatan di bawah seksyen 127(3)(b), Akta Cukai Pendapatan, 1967 daripada Kementerian Kewangan berkuatkuasa bagi tahun 2001 dan mulai tahun taksiran 2002, pengecualian atas pendapatan Perbadanan diberi melalui Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.4) 2003.

Peruntukan cukai tahun semasa adalah berdasarkan pendapatan faedah diterima daripada simpanan tetap yang dilaburkan di institusi kewangan yang diluluskan dan hibah yang diterima daripada Bank Muamalat.

13. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

Pampasan kakitangan pengurusan utama

	2020 RM	2019 RM
Elaun menghadiri Mesyuarat PPGS (Ahli Lembaga PPGS)	3,750	12,250
	<hr/> <hr/> <hr/> 3,750	<hr/> <hr/> <hr/> 12,250

14. PELARASAN TAHUN LALU

Penyata Kewangan bagi tahun 2018 tidak merekodkan kadar penilaian semula tanah pajakan bertarikh 3 September 2018. Ia menyebabkan susutnilai semasa sehingga 31 Ogos 2018 terlebih rekod sebanyak RM406,229. Oleh kerana penyata kewangan tidak merekodkan amaun penilaian semula, kadar susutnilai semasa selepas penilaian semula bagi tahun tersebut terkurang rekod sebanyak RM775,023.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)**14. PELARASAN TAHUN LALU (Sambungan)**

Bagi merekod lebihan penilaian semula, susutnilai terkumpul sehingga 31 Ogos 2018 perlu dibuat pelarasan, namun penyata kewangan tahun tersebut tidak merekodkan pelarasan susutnilai terkumpul sehingga 31 Ogos 2018, ini menyebabkan susutnilai terkumpul pada tahun tersebut terlebih rekod sebanyak RM10,001,357.

Manakala bagi tahun 2019, kadar susutnilai semasa bagi tahun tersebut terkurang rekod sebanyak RM1,106,382. Yuran perakaunan berjumlah RM6,519 juga tidak direkodkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Pelarasan tahun lalu telah dibuat pada tahun semasa dan amaun yang dinyatakan semula adalah seperti yang dinyatakan di Nota 15.

15. AMAUN DINYATAKAN SEMULA

Amaun yang dinyatakan semula adalah bagi Penyata Kewangan tahun lalu. Beberapa amaun telah dibuat pelarasan untuk disesuaikan dengan pembentangan penyata kewangan tahun semasa.

Penyata Kedudukan Kewangan

	Nota	Dinyatakan Tahun Lalu RM	Pelarasan RM	Dinyatakan Semula RM
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah, loji dan peralatan				
Nilai buku bersih	3	<u>199,373,727</u>	8,526,181	<u>207,899,908</u>
Susutnilai terkumpul				
Pada 1 Januari 2019	3	10,407,586	(9,632,563)	775,023
Susutnilai semasa	3	<u>1,218,687</u>	1,106,382	<u>2,325,069</u>
Pada 31 Disember 2019	3	<u>11,626,273</u>		<u>3,100,092</u>
EKUITI				
Lebihan pendapatan terkumpul		833,439	(1,481,695)	(648,256)
Rizab penilaian semula		<u>90,350,000</u>	10,001,357	<u>100,351,357</u>
Jumlah ekuiti		<u>91,183,439</u>		<u>99,703,101</u>
LIABILITI SEMASA				
Pelbagai pembiutang dan akruan	7	<u>14,700</u>	6,519	<u>21,219</u>

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)**15. AMAUN DINYATAKAN SEMULA (Sambungan)**Penyata Pendapatan Komprehensif

	Nota	Dinyatakan Tahun Lalu RM	Pelarasan RM	Dinyatakan Semula RM
Susutnilai hartaanah, loji dan peralatan	3, 11	1,218,687	1,106,382	2,325,069
Yuran perakaunan	7, 11	-	6,000	6,000
Percetakan buku laporan kewangan	7, 11	5,785	150	5,935
Caj perkhidmatan	7, 11	-	369	369

16. KEBENARAN BAGI TERBITAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Perbadanan Padang Golf Subang bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah dibentangkan dan diluluskan pada 29 Oktober 2021 melalui Mesyuarat Ahli Lembaga PPGS secara edaran menerusi surat PPGS:100-1-2(89).

17. PERISTIWA PENTING PADA TAHUN KEWANGAN DAN PERISTIWA PENTING YANG BERLAKU SELEPAS TAHUN KEWANGAN BERAKHIR

Pada 11 Mac 2020, Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyatakan wabak Coronavirus ("Covid-19") sebagai wabak yang dikenalpasti dengan penyebarannya yang cepat di seluruh dunia. Pada 16 Mac 2020, Kerajaan Malaysia mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") mulai 18 Mac 2020 untuk mengekang penyebaran wabak Covid-19 di Malaysia. PKP memerlukan sekatan perjalanan, penutupan dan langkah berjaga-jaga lain yang dikenakan di pelbagai bahagian negara. Kemunculan wabak Covid-19 sejak awal tahun 2020 membawa ketidakpastian ekonomi yang ketara di Malaysia dan juga di pasaran di mana Perbadanan beroperasi.

Perbadanan telah menilai kesan Covid-19 terhadap operasi Perbadanan, termasuk pemulihan nilai dibawa aset dan pengukuran aset dan liabiliti dan menyimpulkan bahawa tidak ada kesan buruk yang ketara terhadap penyata kewangan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)

17. PERISTIWA PENTING PADA TAHUN KEWANGAN DAN PERISTIWA PENTING YANG BERLAKU SELEPAS TAHUN KEWANGAN BERAKHIR (Sambungan)

Perbadanan tidak dapat menganggarkan secara munasabah kesan kewangan Covid-19 untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 yang akan dinyatakan dalam penyata kewangan kerana keadaan masih terus berubah dan ketidakpastian hasil dari peristiwa semasa. Walau bagaimanapun, adalah pasti bahawa tindakan tempatan dan seluruh dunia terhadap penyebaran Covid-19 akan memberi kesan buruk terhadap penjualan, operasi dan rantaian bekalan Perbadanan. Perbadanan akan terus memantau kesan Covid-19 terhadap operasi dan prestasi kewangannya. Perbadanan juga akan mengambil langkah-langkah yang tepat dan tepat waktu untuk meminimumkan kesan wabak terhadap operasi Perbadanan.

PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

(Diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang, 1968 (Akta 509))

Polisi-Polisi dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 (Sambungan)**Penyata Pendapatan Komprehensif**

	Dinyatakan Semula	2020 RM	2019 RM
Pendapatan		1,458,687	1,458,687
Tambah: Pendapatan Lain			
Faedah diterima		7,969	18,675
Faedah terakru		-	1,856
Hibah		2,071	1,065
Penerimaan daripada Kelab Golf Negara Subang		14,583	14,583
		<u>1,483,310</u>	<u>1,494,866</u>
Tolak: Belanja Pentadbiran Dan Operasi			
Bayaran percetakan buku laporan kewangan		7,241	5,935
Bayaran tahunan pajakan tanah		10,836	10,838
Belanja pejabat		256	159
Caruman KWSP		13,650	13,550
Caj penghantaran		150	-
Cukai tanah		14,583	14,583
Cukai perkhidmatan		599	369
Emolumen Pengerusi Eksekutif:			
Gaji Pengerusi Eksekutif		48,693	-
KWSP Pengerusi Eksekutif		5,832	-
Elaun mesyuarat - Pengerusi Eksekutif		750	-
Elaun mesyuarat Ahli lembaga PPGS		3,000	12,250
Gaji pekerja		105,140	49,840
Perbelanjaan mesyuarat		400	1,000
Perbelanjaan hosting email		1,337	-
Susuthnilai harta tanah, loji dan peralatan		2,325,069	2,325,069
Telefon dan internet		50	-
Yuran audit		10,641	14,700
Yuran audit - Lebihan peruntukan tahun sebelum		(4,058)	-
Yuran perakaunan		6,000	6,000
Yuran cukai		8,650	-
Yuran perkhidmatan cek		268	103
Defisit sebelum cukai		<u>(1,075,777)</u>	<u>(2,454,396)</u>
Tolak: Percukaian		248	-
Defisit bagi tahun semasa		<u>(1,076,025)</u>	<u>(959,530)</u>

NOTA



PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

Aras 9, Menara KBS, No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, Malaysia